

14 AUG 2003

DR MAHATHIR RASMI FESKEM 2003

SHAH ALAM, 14 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan Festival Kemerdekaan Universiti Teknologi MARA 2003 (FESKEM 2003) pada 26 Ogos di Stadium UiTM di sini.

Perdana Menteri juga dijangka menyempurnakan acara pecah tanah Kampus 2 Shah Alam, universiti itu, demikian menurut kenyataan UiTM hari ini.

FESKEM 2003, yang berlangsung dari 18 Ogos hingga 31 Ogos, merupakan program sambutan bulan kemerdekaan yang dianjurkan warga kampus UiTM.

Pelbagai program telah diatur sempena FESKEM 2003 itu, termasuk Konsert Malam Simfoni Ilahi, Sukaneka Kemerdekaan, Juadah Kemerdekaan, Pertandingan Pentomin Kemerdekaan, Malam Busaneka Malaysia dan Mestika Merdeka.

Pada 30 Ogos, program mengibar Jalur Gemilang akan diadakan bagi mengenang tokoh-tokoh negarawan yang berjuang untuk bangsa dan negara.

Seramai 3,500 pelajar akan berarak sambil memegang Jalur Gemilang mengelilingi kampus UiTM Shah Alam dan berakhir di Dataran Shah Alam.

-- BERNAMA

LES LAT